



KEMAHIRAN MEMBACA




Modul PBD

SP: 2.2.3

Membaca secara luncuran dan imbasan untuk memahami serta meneroka maksud keseluruhan daripada pelbagai bahan.

Baca dan fahami petikan di bawah ini. Kemudian, tulis cara-cara untuk mengelakkan daripada diragut.

KEBAT Menganalisis



Jenayah ragut semakin serius. Oleh itu, sudah sampai masanya kaum wanita memberikan perhatian serius terhadap perkara ini dan mengambil langkah berjaga-jaga apabila berada di luar rumah terutamanya di tempat awam.

Wanita merupakan sasaran utama para peragut untuk melakukan kegiatannya. Sebaik-baiknya berjalanlah dengan kawan terutamanya jika melalui jalan yang agak sunyi. Pada masa yang sama, awasilah orang-orang yang mencurigakan. Kaum wanita juga perlu memegang beg tangan dengan cara yang betul. Pastikan beg tangan dipegang di sebelah kiri. Hal ini bagi menghalang peragut daripada menghampiri serta merentap beg tangan yang sedang dipegang itu dengan mudah.

Di samping itu, para wanita dinasihatkan agar berjalan mengikut arah jalan yang berlawanan supaya dapat melihat kenderaan yang datang. Kaum wanita juga dilarang untuk mendedahkan diri daripada bahaya ragut dengan memakai perhiasan seperti gelang dan rantai emas yang keterlaluan.

Dalam pada itu, pemandu wanita hendaklah memastikan tingkap kereta sentiasa tertutup dan tidak meletakkan beg tangan di tempat yang dapat dilihat dan dicapai dari luar. Dalam apa-apa jua keadaan, langkah terbaik hendaklah sentiasa berhati-hati. Berpeganglah kepada pepatah, berjimat sebelum habis, beringat sebelum kena.



Kriteria Kejayaan


Mund dapat...

• memahami maksud keseluruhan petikan yang dibaca

• menulis cara-cara untuk mengelakkan diri daripada diragut

ASPEK SENI BAHASA

Modul PBD	SP: 4.1.2	Memahami dan menghayati karya puisi dengan memberikan penekanan kepada aspek maksud, tema, persoalan, nilai, dan pengajaran dengan betul.
------------------	------------------	---

Baca sajak *Pada Sekuntum Mawar* di bawah ini dengan teliti. Kemudian, berikan respons anda terhadap tema, persoalan, nilai, dan pengajaran. **KBAT** Menganalisis 

Sehelai kelopakmu gugur
 adalah titis air mata bonda
 yang luruh dalam lipatan usia.

Merengung pada malam yang kematian angin
 pada laut yang kematian ombak
 seperti telah menutup
 pintu kehidupan ini
 menjadi sepi dan lara
 pada kemusnahan yang tak pernah dipinta.

Sekuntum mawar
 bukan melontar harum indahmu
 di hujung lembah
 tapi mengangkat seri mahkotamu
 ke puncak iman.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2*)

Sajak Pada *Sekuntum Mawar*

- | | |
|------------|---|
| Tema | Peringatan kepada gadis remaja akan kepentingan menjaga kesucian diri. |
| Persoalan | (a) Ketinggian harga diri seseorang gadis.
(b) Kehidupan seseorang gadis yang tidak menjaga maruah diri menjadi gelap.
(c) Kepentingan menjaga kesucian diri melalui keimanan yang teguh. |
| Nilai | (a) Kasih sayang – Memelihara maruah diri demi kasih sayang terhadap keluarga.
(b) Berhemah tinggi – Seseorang gadis haruslah bersopan dan menjaga tingkah laku. |
| Pengajaran | (a) Kita hendaklah menjaga kehormatan diri pada setiap masa kerana harganya tidak ternilai.
(b) Kita haruslah mempunyai keimanan yang teguh agar maruah diri tidak tergadai.
(c) Janganlah kita hanyut dengan godaan dunia sehingga menggadaikan maruah diri sendiri. |